

04 DEC 2002

Mahathir-Kronik

KERAJAAN PASTIKAN KUTIPAN DERMA TIDAK DISALAHGUNA

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Kerajaan mengetatkan syarat bagi kutipan derma menerusi media untuk membantu pesakit kronik kerana ingin memastikan derma itu tidak disalahgunakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak berhasrat menghalang pesakit kronik mengutip derma tetapi ia mesti mengikut garis panduan tertentu supaya sumbangan ikhlas penderma tidak dibazirkan atau digunakan bagi tujuan lain.

"Kadang-kadang kita dapati ramai juga buat permintaan (kutip derma) tetapi kita tidak tahu cara duit itu diguna, siapa guna. Kita hendak guna duit itu untuk kepentingan pesakit, bukan kepentingan pihak lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Hospital Kuala Lumpur selepas melawat pasangan kembar Siam yang berjaya dipisahkan di hospital itu, Azama dan Azami Kamarulzaman.

Dr Mahathir diminta mengulas rungutan orang ramai mengenai tindakan Kementerian Kesihatan mengetatkan peraturan mengutip derma menerusi media bagi membiayai pesakit yang menghadapi masalah kewangan.

"Kalau tidak, sesiapa sahaja boleh kutip derma dengan menggunakan publisiti, lepas itu tidak tahu ada setengah (rawatan) penyakit boleh dibuat dalam negeri tetapi pergi ke luar negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata negara sepatutnya mempunyai tabung khas untuk mengutip semua derma bagi membiayai rawatan penyakit manakala baki daripada derma itu boleh disalurkan kepada pesakit lain pula.

Beliau memberi contoh mengenai kes kutipan derma yang dilaporkan mencecah ratusan ribu bagi membiayai seorang pesakit yang menimbulkan kekecohan tidak lama dahulu.

"Akhbar juga kutip, hasil publisiti oleh akhbar, saya pun pergi tengok, saya pun hulur juga...setakat mampu sahajalah," katanya berseloroh.

Dr Mahathir menafikan dakwaan mengenai kemungkinan faktor birokrasi menyebabkan pesakit kronik enggan mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

"Bukan birokrasi, (tapi) tempat tidak ada. Dia (pesakit) akan duduk di hospital dalam jangka panjang. Kita hendak guna tempat itu untuk orang lain, kadang-kadang kenalah fikir perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

RZS MAM MAI